

TARIKH	29 / 04 / 2014	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	13	RUANGAN	

# Tiada kes baharu jangkitan MERS-CoV

Oleh SHARAMEISHAH  
AHMEDULLAH  
pengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 28 April - Kementerian Kesihatan mengesahkan tiada kes baharu jangkitan Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS-CoV) dikesan di negara ini selepas berakhirnya tempoh pengawasan kesihatan selama 14 hari dari tarikh akhir yang melibatkan satu kes kematian di Batu Pahat, Johor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga tarikh akhir pengawasan semalam, sebanyak 222 kontak telah dikesan di seluruh negara tetapi bagaimanapun kes-kesannya berada dalam keadaan sihat.

"Tiada sampel yang dikesan positif jangkitan penyakit ini daripada 79 sampel yang telah diambil dari kontak rapat sama yang bergejala dan tidak bergejala."

"Sehubungan itu, pihak Kementerian ingin memaklumkan bahawa tiada kes baharu dikesan dan tiada kluster jangkitan MERS-CoV dilaporkan di seluruh negara," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Dr. Noor Hisham, dengan satu kes kematian disahkan akibat jangkitan MERS-CoV di Johor pada 19 April lalu menjadikan jumlah kumulatif kekal sebagai satu kes kematian sahaja.

Dr. Noor Hisham berkata, sejak kelmarin Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menerima sebanyak 261 kes akibat penyakit MERS-CoV yang disahkan melalui ujian makmal dengan meliputi sebanyak 93 kes kematian di seluruh dunia.

Sehubungan itu, beliau menasihati orang awam khususnya yang ingin mengerjakan umrah atau haji di Arab Saudi atau mengadakan lawatan ke mana-mana negara di Asia Barat supaya sentiasa menjaga tahap kebersihan diri.

"Orang ramai dinasihatkan supaya selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan tertamunya selepas batuk, bersin atau bersalaman."

"Sepanjang tempoh lawatan itu juga orang ramai digesa sentiasa membawa penutup mulut dan hidung serta bahan pencuci tangan untuk digunakan apabila perlu," katanya.

Tambah beliau, pengunjung ke sana juga dinasihatkan mengelak daripada mendekati atau menyentuh orang yang sakit dan mengelak daripada melawat ladang khususnya ladang unta.

Katanya, buah-buahan dan sayuran yang hendak dimakan juga perlu dipastikan dibasuh terlebih dahulu sebelum dijamah.

"Mereka yang pulang dari negara-negara terlibat khususnya di rantau Asia Barat yang mempunyai gejala jangkitan respiratori seperti demam, selesema dan sakit tekak dinasihatkan untuk memakai penutup mulut serta hidung, menjaga adab batuk dan mengamalkan kebersihan diri."

"Pesakit yang mempunyai gejala ini dinasihatkan segera mendapatkan rawatan perubahan serta memaklumkan mengenai sejarah perjalanan mereka kepada doktor yang merawat," katanya.

Pada masa yang sama, katanya, pihaknya juga memohon kerjasama semua agensi pelancongan khususnya yang menguruskan jemaah umrah agar memperkukuhkan kesedaran mengenai jangkitan MERS-CoV melalui bahan maklumat secara berterusan kepada para jemaah tersebut.

## VIRUS BARU Apakah MERS-CoV?

Apakah MERS-CoV? Sindrom Pernafasan Asia Barat Virus Korona (MERS-CoV) adalah jangkitan virus terhadap sistem pernafasan. Jangkitan disebabkan penyebaran virus korona.

**Symptom**  
Virus korona adalah virus biasa yang selalunya menyebabkan jangkitan pada sistem pernafasan. Antara simptom jangkitan termasuklah demam, batuk dan sesak nafas.

**Penyebarkan jangkitan**  
Virus boleh disebarkan melalui sentuhan.

Virus juga boleh merebak daripada pesakit kepada doktor dan jurawat.

**Diagnosis dan rawatan**  
Sejak tarikh ini, kes-kes jangkitan boleh disahkan melalui ujian makmal. Tiada ada rawatan khusus mahupun vaksin untuk penyakit ini. Pesakit hanya melalui rawatan biasa bagi mencegah simptom penyakit.

Sejak April 2012, sebanyak 350 kes dilaporkan di seluruh dunia dengan jumlah kematian lebih 100 orang.

## Langkah pencegahan

Barah tangan dengan kerap menggunakan sabun dan air.

Tutupi mulut dan hidung ketika batuk atau bersin menggunakan tisu. Buang tisu ke dalam tong sampah.

Elakkan menyentuh mata, hidung serta mulut dengan tangan yang tidak dicucikan.

Elakkan sentuhan serta berkongsi cawan, perkakas dapur dengan orang yang sakit.

Berikan perhatian kepada pesakit yang sering diarahkan seperti alat pemakanan dan tandas pesakit.

10 Jun 2012

23 September 2012

16 Mac 2013

7 Mei 2013

Jun 2013

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai


7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai

7 Julai



## Lawatan ladang unta dihenti, cegah jangkitan

**KUALA LUMPUR** 28 April - Tabung Haji dan semua agensi pelancongan yang menguruskan jemaah umrah Malaysia telah menghentikan semua program lawatan ke ladang unta di tanah suci Mekah dan Madinah berikutan penularan wabak penyakit Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS-CoV) di Arab Saudi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Jamil Khir Baharom berkata, di samping itu, semua bakal jemaah haji dan umrah diwajibkan mengambil satu suntikan vaksin tambahan yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengelak jangkitan virus tersebut semasa berada di tanah suci.

"Kita telah ambil langkah bersiap sedia kerana faham masalah MERS-CoV ini telah menular di Arab Saudi. Tabung Haji dan semua agensi pelancongan yang menguruskan jemaah umrah Malaysia telah menghentikan semua program lawatan ke ladang unta di tanah suci Mekah dan Madinah berikutan penularan wabak penyakit Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS-CoV) di Arab Saudi."

Menurut Jamil Khir, pihaknya sentiasa memantau keadaan jemaah umrah Malaysia yang sedang mengerjakan ibadah itu di tanah suci walaupun setakat ini, tidak ada jemaah negara yang dijangkiti virus tersebut.

"Alhamdulillah, setakat ini semua jemaah kita bebas daripada jangkitan MERS-CoV. Namun, kita sentiasa memantau perkembangan mereka sepanjang berada di tanah suci dan telah menasihati mereka supaya mengambil langkah-langkah berjaga-jaga," katanya.

Baru-baru ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, penyebaran wabak MERS-CoV iaitu jangkitan respiratori yang disebabkan oleh virus korona, disyaki berpunca daripada unta di Arab Saudi.

Beliau berkata, ini kerana pemeriksaan terhadap darah unta di negara itu mendapati tahap antibodi haiwan berkenaan sama dengan virus itu.

Angka kematian akibat jangkitan wabak itu di Arab Saudi kini meningkat kepada 94 orang selepas Kementerian Kesihatan negara itu mengumumkan tujuh lagi meninggal dunia akibat MERS-CoV semalam.

Kementerian Kesihatan Arab Saudi juga mengesan 24 kes baru MERS-CoV di negara itu, menjadikan angka keseluruhan kepada 323 sejak virus berkenaan mula muncul pada September 2012.

Sementara itu, Pengurus Sireh Travel & Tours Sdn. Bhd, Abdul Rais

Razak memberitahu, permintaan untuk mengerjakan umrah tidak terjejas di sebabkan penularan wabak MERS-CoV di Arab Saudi.

Beliau berkata, ini kerana kerajaan Malaysia belum mengeluarkan sebarang arahan melarang rakyat negara ini daripada mengunjungi Arab Saudi atau mana-mana negara di Asia Barat dan belum ada keputusan bagaimana sebenarnya jangkitan itu berlaku.

"Namun demikian, sebagai langkah keselamatan, syarikat saya dan banyak lagi agensi pelancongan yang menguruskan pakej umrah, membekukan program lawatan ke ladang unta atas nasihat daripada pihak di Arab Saudi. Lagipun, banyak ladang unta di Arab Saudi sudah ditutup disebabkan jangkitan MERS-CoV," katanya.